

# AL-HIKMAH

**Jilid 9 ISSN 1985-6822 2017**  
**No. 2 1439**

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15  
*Nurul Asmak Liana Bakar*
  - HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31  
*Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsith Ahmad, Nurulrabiah Mat Noh*
  - TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40  
*Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali*
  - KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56  
*Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah*
  - CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77  
*Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin*
  - ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86  
*Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir*
  - TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARI'AH ...87-98  
*Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani*
  - PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFI'I ...99-112  
*Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Najihah Abd. Wahid*
  - IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130  
*Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar*
  - PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140  
*Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don*
  - TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153  
*Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit*
  - PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166  
*Mohd Aziron Noordin, Zulkefli Haji Aini*
  - PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185  
*Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh*

• رحمت الله الهندى الكبيرى وكتابه أطهار، المغ: النقد الإسلامى للعهد القديم والجديد ... 186-204

عبدالكبير حسين صالح

## Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan *Fuzzy Delphi*

Using Q-Rohani to Ensure Affective Development of Soul:  
*Fuzzy Delphi* Method

ZAHARAH HUSSIN  
AHMAD ARIFIN SAPAR  
SAEDAH SIRAJ  
MOHD RIDHUAN MOHD JAMIL  
ABDUL MUQSITH AHMAD  
NURULRABIHAH MAT NOH

### ABSTRAK

Pelbagai pendekatan telah digunakan dalam membentuk sebuah keluarga yang sejahtera dan salah satunya adalah pendekatan kerohanian. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti elemen Q-Rohani berdasarkan kesepakatan pakar dalam usaha membentuk sebuah keluarga yang sejahtera. Pakar-pakar kajian terdiri daripada 12 orang pakar yang dipilih berdasarkan kepakaran mereka di dalam bidang kekeluargaan, kaunseling dan nilai. Selain itu, pakar yang dipilih juga terdiri dari mereka yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang masing-masing. Kajian ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* dalam menganalisa data yang diperoleh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua elemen Q-Rohani diterima kecuali elemen *mengurangkan atau mengelakkan mendengar lagu-lagu*. Elemen ini ditolak apabila peratusan persetujuan kumpulan pakar adalah kurang 75%, dan nilai ambang (threshold value, d) melebihi daripada 0.2. Elemen menanam rasa kasih sayang sesama keluarga dan mungkin menjadi keutamaan dalam pembentukan keluarga sejahtera dan ia merupakan elemen terpenting dalam melahirkan insan yang bersifat pengasih dan disukai Allah. Elemen utama tersebut berserta sub elemen digunakan bagi menghasilkan kerangka keutamaan elemen-elemen Q-Rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga.

**Kata kunci:** Keluarga, *Fuzzy Delphi*, Q-Rohani, Pendidikan & Afektif

### ABSTRACT

Numerous approaches had been used in order to cater a good family and the most intrusive way is by spiritual approach. The main purpose of this article is to acknowledge the Q-Rohani elements based on consensus of experts on ways to cater a good family. There are 12 experts involved based on their expertise in the fields of family, counseling and values. Most of them are atleast had 10 years of

experience in their field. The data were analyzed using the Fuzzy Delphi methods. Findings showed that all the Q-Rohani elements were accepted except for element reduce or avoid listening to song. This element is being rejected based on the percentage of approval of the expert group is less than 75%, and the threshold value,  $d$  is more than 0.2. While, elements of instill love among family and fellow believers to be a priority in the formation of a prosperous family, yet it is the most important element in producing individuals who are loving and beloved by Allah. Those elements are used alongside with sub element to develop framework of family based on q-rohani (affective).


**Keywords:** Family, Q-Rohani, Fuzzy Delphi, Education & Affective

## PENGENALAN

Pelbagai isu dan cabaran di hadapi masyarakat muslim hari ini dalam membina keluarga yang bahagia (Amran, 2011). Hal ini merupakan salah sebuah bentuk ujian dari Allah SWT untuk menguji hambanya seterusnya menambah kekuatan sedia ada hambanya dan pengakhirannya Allah memberi ganjaran dalam rupa pelbagai bentuk (Ruslinawati, Rohana & Jamilah, 2011). Namun begitu, ujian-ujian ini bukanlah penghalang kepada pembentukan sesebuah keluarga yang harmoni dan setiap permasalahan pastinya mempunyai jalan penyelesaian. Terdapat banyak sarjana yang memperihalkan mengenai definisi keluarga (Christian, 2006). Namun kebanyakannya menyatakan perkara yang hampir sama. Keluarga didefinisikan sebagai sebuah unit sosial dalam masyarakat dan secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya (Che Hasniza & Fatimah, 2011). Hal ini selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh Enrique, Howk dan Huitt (2007) dimana keluarga merupakan sebuah unit kecil dalam masyarakat berpusatkan keluarga nuklear yang melibatkan bapa, ibu dan anak pertama. Penegasan Wan Anor & Risalshah (2014); Duvall (1977) pula menyatakan keluarga adalah sebuah unit manusia yang telah dihubungkan melalui ikatan perkahwinan, kelahiran dan juga adopsi hidup dibawah satu bumbung, berinteraksi satu sama lain dalam persekitarannya bertujuan mencipta dan meneruskan budaya umum serta meningkatkan perkembangan fizikal, mental, emosi dan sosial setiap anggota keluarga. Demikian juga definisi yang dinyatakan Population Reference Bureau (2000), menjelaskan bahawa keluarga merupakan sekelompok manusia yang hidup secara bersama hasil dari perkahwinan, kelahiran, adopsi atau mempunyai hubungan silaturahim yang rapat. Di nyatakan juga bahawa keluarga juga merangkumi jalur keturunan samada dari nenek moyang, kaum kerabat mahupun sesebuah puak. Disamping itu juga, peranan keluarga dalam sesebuah masyarakat juga amatlah penting. Hal ini ditegaskan oleh Abd Razak dan Noraini

(2011), keluarga merupakan sebuah entiti yang penting dalam sesebuah masyarakat. Nadi utama dalam sesebuah keluarga adalah ibu bapa dimana mereka perlu menyediakan satu persekitaran dalam pembentukan sebuah keluarga yang harmoni.

Hasil definisi yang dinyatakan oleh para sarjana, pengkaji merasakan penjelasan yang lebih mudah mengenai definisi keluarga dapat dirumuskan dalam bentukrajah dan hal ini dapat dilihat dalam rajah 1.




Rajah 1 Keluarga

Melalui pandangan-pandangan berkenaan definisi keluarga, pengkaji menyimpulkan bahawa keluarga merupakan sebuah institusi kecil yang diiktiraf berdasarkan perkahwinan, perhubungan keturunan, dan mereka hidup sejahtera secara bersama. Struktur sesebuah keluarga adalah keseluruhan operasi yang digunakan untuk menjalankan fungsi-fungsi utama yang penting dalam sesebuah keluarga. Namun begitu, asas sejagat keluarga adalah perkahwinan manakala bersekedudukan iaitu perkongsian hidup tanpa perkahwinan tidak dapat diterima sehingga kini terutamanya bagi orang beragama Islam. Islam sendiri mendefinisikan keluarga sebagai sebuah ikatan sah (akad nikah) yang terdiri dari suami dan isteri serta anak-anak yang bakal dilahirkan (Nur Zahidah & Raihanah, 2011). Hal ini jelas menunjukkan bahawa sebuah keluarga itu berasal dari perkahwinan yang diiktiraf oleh kerajaan atau pemerintah. Pendapatnya juga menyatakan bahawa bentuk konsep keluarga bahagia di dalam Islam adalah al-sakinah (ketenangan), al-mawaddah (kasih sayang), al-dan rahmah (belas kasihan). Konsep ini jika digabungkan keseluruhannya akan membantu ke arah pembentukan sebuah keluarga yang mantap serta di sukai Allah.

## PENYATAAN MASALAH

Hampir dikatakan semua orang menghadapi masalah kerana masalah yang timbul merupakan sebahagian dari lumrah sebuah kehidupan. Hal ini tidak terkecuali dengan hidup berumah tangga. Menurut Wan Anor & Risalshah (2014), antara punca permasalahan kekeluargaan adalah tahap kefahaman agama yang rendah berkenaan kehidupan berkeluarga. Hal ini juga ditegaskan oleh Azizi (2008), penyumbang kepada kejayaan sesebuah keluarga adalah tahap kefahaman agama dan tanggungjawab terhadap keluarga. Dalam hal ini telah menunjukkan bahawa pentingnya kepentingan beragama dalam kejayaan sesebuah keluarga. Namun yang demikian, tidak lengkap sekiranya kefahaman yang diperolehi tidak disertakan dengan amal. Amal yang dimaksudkan adalah dengan mendidik amalan kerohanian dalam setiap ahli keluarga.

Jika disorot kembali, kerohanian adalah pengakuan tauhid terhadap Allah SWT untuk seseorang itu dengan meneruskan kehidupan berlandaskan syarak dan arahan-Nya (Nahr, 1987). Penegasan ole al-Harran, (2004) menyatakan bahawa asas kepada kerohanian adalah keimanan. Manakala keimanan itu diperoleh hasil dari amal ibadah di samping ilmu serta taat kepada segala suruhan Allah. Berbeza dengan pendapat yang dinyatakan oleh Al-Ghazali (2000) dimana kerohanian di kelaskan kepada empat elemen kerohanian iaitu *al-ruh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-nafs*. Pengelasan yang sama turut dinyatakan dalam model q-rohani yang mana model ini menggariskan empat aspek dalam pembangunan kerohanian iaitu daya kepintaran (*al-quwwah al-aqliyyah*), daya kemarahan (*al-quwwah al-ghadabiyah*), daya nafsu (*al-quwwah al-shahwiyyah*), dan daya imaginasi (*al-quwwah al-wahmiyyah*). Proses ini dapat dicapai melalui latihan kerohanian secara berterusan (Saedah, 2012). Setiap aspek ini saling mempengaruhi dan proses ini perlu dijalankan dalam latihan kerohanian (Mohd Nazri, 2014). Jika disorot kembali, q-rohani bermaksud quranic rohani iaitu elemen-elemen kerohanian yang digariskan di dalam Al-Quran (Saedah Siraj, 2012). Model q-rohani dapat dirujuk pada rajah 2. Terdapat juga beberapa tokoh lain yang menggariskan mengenai amalan-amalan kerohanian serta didikan yang boleh diterapkan dalam hidup berkeluarga seperti Al-Ghazali, Ibn Miskawaih, Al-Farabi dan ramai lagi (Mohd Nazri, 2014).



Rajah 2 Model Q-Rohani (Saedah Siraj, 2012)

Oleh yang demikian, penerapan mengenai amalan kerohanian di dalam keluarga dapat meyumbang kearah pembentukan keluarga yang sejahtera. Kekeluargaan dan proses pendidikan yang berkesan mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain. Perkaitan antara kedua aspek ini mendorong kepada usaha menangani masalah-masalah kekeluargaan seperti penceraian, keruntuhan akhlak anak-anak, penderaan, keganasan rumah tangga dan sebagainya. Masalah-masalah yang timbul ini memperlihatkan bahawa terdapat keperluan bagi melihat apakah elemen pendidikan amalan Q-Rohani yang mampu mendidik jiwa dan hati manusia dalam hidup berkeluarga agar keluarga sentiasa di bawah rahmat Allah dan dilindungi dari segala kekusutan.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif berikut:

- Mengenal pasti elemen-elemen Q-rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga berdasarkan kesepakatan pakar.
- Mengenal pasti kedudukan elemen-elemen Q-Rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga berdasarkan kesepakatan pakar.
- Membentuk suatu kerangka keutamaan bagi elemen-elemen Q-Rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga berdasarkan kesepakatan pakar.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*. Instrumen yang digunakan pula adalah set borang soal selidik dan diedarkan kepada pakar-

pakar yang telah dipilih. Tema dan konstruk yang terdapat dalam soal selidik di perolehi dari sorotan literatur. Hal ini berdasarkan Dullfield's (1993), menegaskan bahawa kesepakatan pakar melalui teknik Delphi boleh dibentuk menggunakan soal selidik yang diolah melalui literatur. Beberapa pakar dalam Delphi bersetuju menyatakan bahawa kaedah ini sangat fleksibel kerana selagi ia mampu mencapai kesepakatan pakar, maka ia boleh diterima (Chang, Hsu & Chang, 2011; Powell, 2003). Oleh hal demikian, telah menganalisis dan mengadaptasi tema dan pembolehubah berdasarkan kajian literatur dan juga model Q-Rohani yang dibangunkan oleh Saedah (2012).

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* bagi melihat kesepakatan pakar terhadap keperluan elemen-elemen mendidik amalan Q-rohani. Proses penganalisaan menggunakan penomboran Fuzzy dimana antara sela 0 hingga 1 (Ragin, 2007) dengan menggunakan perisian Microsoft Excel. Proses ini melibatkan dua proses iaitu *triangular Fuzzy number* dan *defuzzification*. *Triangular Fuzzy Number* digunakan untuk melihat kesepakatan pakar terhadap sesuatu item manakala defuzzification digunakan untuk menentukan keutamaan item yang dikaji. Kedua-dua proses ini menggunakan 2 formula dapat dirujuk dalam Jadual 1.

Jadual 1 Formula untuk proses analisis

Bil	Formula	Proses
1.	$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$ .	<i>Triangular Fuzzy Number</i>
2.	$A = (1/3)*(m_1 + m_2 + m_3)$	<i>Defuzzification</i>

## SAMPEL KAJIAN

Seramai 12 pakar telah dipilih bagi tujuan proses ini. Pakar-pakar ini dipilih berdasarkan kepakaran mereka di dalam bidang kekeluargaan, kaunseling dan nilai serta mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang masing-masing. Pemilihan pakar ini adalah selari dengan hujah yang dinyatakan Berliner (2004), bahawa mereka yang mempunyai pengetahuan dalam sesuatu bidang dan mempraktiskan ilmu dalam bidang tersebut

melebihi tempoh lima tahun boleh dianggap sebagai pakar. Menurut Pill (1971) & Oh (1974), dalam menetapkan kriteria untuk memilih pakar untuk kajian tertentu, pakar-pakar yang dipilih perlu ada latar belakang atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, pemilihan ini akan dapat menyokong pendapat mereka kepada keperluan kajian serta dapat menyemak semula penghakiman awal mereka untuk mencapai konsensus dalam kalangan pakar. Menurut Adler & Ziglo (1996), bilangan pakar yang sesuai adalah diantara 10 hingga 15 orang, jika sekiranya terdapat keseragaman yang tinggi dikalangan pakar yang dipilih. Manakala Jones & Twiss (1978) pula mencadangkan bilangan pakar seramai 10-50 orang pakar. Dalam kaedah Delphi, langkah yang paling penting ialah pemilihan pakar yang akan memberi kesan kepada kualiti hasil kajian (Jacobs, 1996).


### DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan elemen-elemen dalam mendidik amalan Q-rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga berdasarkan pakar manakala rajah 3 pula menunjukkan kerangka keutamaan elemen-elemen Q-rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga.

- (1) Nilai threshold mesti sama atau kurang daripada  $0.2 (d \leq 0.2)$
- (2) Nilai peratusan pakar mesti melebihi 75%
- (3) Average respons  $\geq$  nilai  $\alpha - cut = 0.5$

Jadual 2 Mendidik Amalan Q-Rohani (Afektif)

BIL	ITEM	Nilai Threshold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Average Respons	Keutamaan Item	Kesepakatan Pakar
1.	Sentiasa Memperdengarkan al-Qur'an dan al-Hadith	0.10	90.3	0.922	2	TERIMA
2.	Sentiasa Memperdengarkan Tafsir dan Cerita daripada al-Qur'an dan al-Hadith	0.12	87.1	0.911	4	TERIMA
3.	Sentiasa memperdengarkan kata-kata yang baik	0.10	90.3	0.922	2	TERIMA
4.	Melatih menjadi pendengar yang baik	0.10	93.5	0.909	6	TERIMA
5.	Melatih sukakan ilmu , mendengar ilmu dan majlis ilmu	0.10	93.5	0.909	6	TERIMA
6.	Mengurangkan/mengelakkan mendengar lagu-lagu	<b>0.22</b>	<b>51.6</b>	<b>0.797</b>	-	TOLAK
7.	Melatih amalan doa dan munajat	0.11	93.5	0.910	5	TERIMA
8.	Menam rasa kasih sayang sesama keluarga dan mukmin	0.09	93.5	0.924	1	TERIMA
9.	Menanam sifat kelembutan dan tolak ansur	0.10	93.5	0.912	3	TERIMA



Rajah 3 Kerangka keutamaan elemen-elemen Q-Rohani (afektif) dalam hidup berkeluarga

## PERBINCANGAN

Di dalam kajian ini, terdapat 9 elemen pendidikan amalan Q-Rohani yang telah dikaji yang melihat keperluannya dalam persekitaran hidup berkeluarga berdasarkan pandangan pakar yang telah dipilih. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 8 elemen pendidikan amalan Q-Rohani yang mendapat persetujuan pakar untuk di terapkan ke dalam setiap keluarga. Selari dengan pandangan Ratna Roshida & Nik Haslinda (2007) dimana keyakinan beragama dan amalan kerohanian harus di didik dalam kehidupan berkeluarga supaya keluarga di suburkan dengan amalan-amalan

bermanfaat. Melalui pengamalan ini, ahli keluarga akan membesar dalam keadaan jiwa dan imannya tenang seterusnya melahirkan akhlak dan budi pekerti yang baik.

Pakar telah bersetuju untuk menolak elemen mengurangkan dan mengelakkan mendengar lagu-lagu. Hal ini menunjukkan bahawa ada keperluan untuk diterapkan dalam amalan kerohanian. Manusia dilahirkan dengan perasaan gembira, sedih dan mempunyai harapan melalui lagu-lagu. Penghayatan melalui seni yang terdapat pada sesebuah lirik lagu (Nurfarhana & Mohd Sharifudin, 2014). Dalam mendidik amalan q-rohani, hasil kajian menunjukkan bahawa elemen menanam rasa kasih sayang sesama keluarga dan mukmin menjadi keutamaan yang paling utama sudah menjadi fitrah yang bernilai dalam kehidupan manusia untuk berkasih sayang sesama mereka. Penegasan Siti Norlina, Ahmad Kilani, Zulkifli Haron (2004) menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab setiap individu untuk mengendalikan hubungan sebaik mungkin bagi mencapai matlamat kebahagiaan didalam kehidupannya. Teras kepada pembinaan keluarga bahagia adalah dengan curahan kasih sayang. Setiap manusia mempunyai sifat kasih dan sayang terutamanya dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan. Hal yang turut ditekankan oleh Rasulullah S.A.W dengan sabdanya yang bermaksud:

*“Demi diriku yang berada di tangan-Nya, kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak dinamakan beriman sehingga kamu berkasih sayang.”*

(Ibnu Majah)

Manakala, bagi elemen yang menjadi keutamaan terakhir pula adalah elemen melatih menjadi pendengar yang baik dan juga melatih sukakan ilmu, mendengar ilmu dan majlis ilmu. Dalam konteks keluarga, menjadi pendengar yang baik adalah sangat digalakkan. Kesilapan yang sering kita lakukan adalah kita tidak mendengar untuk faham tetapi kita mendengar untuk menjawab. Kita sering membuat andaian sendiri dalam satu-satu perkara sebelum mendapat penjelasan yang sebenar sehingga andaian itu mampu merosakkan hubungan sesama ahli keluarga. Dalam konteks menjadi pendengar yang baik, peranan yang dimainkan keluarga jauh lebih penting berbanding orang luar. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Asmaningrum, Wijaya dan Wijaya (2014) dimana hasil kajiannya mendapati keluarga mempunyai pengaruh yang cukup kuat dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh ahli keluarga dengan

hanya menjadi pendengar. Mereka selesa berbicara serta berbincang tanpa ada selindung dan keluarga juga turut berkongsi perasaan yang dialami.

Selain itu, turut ditekankan juga elemen melatih sukakan ilmu, mendengar ilmu dan majlis ilmu. Kajian-kajian terdahulu telah banyak memperihalkan mengenai majlis ilmu dapat membentuk peribadi yang baik lantas dalam konteks keluarga, ianya mampu dijadikan panduan dalam membentuk keluarga yang bahagia. Kelebihan menghadiri majlis ilmu ini dapat dilihat dalam hadis:

*“Barangsiapa yang melalui satu jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan jalannya menuju ke syurga.”*

(Muslim)

Hal yang sama turut dinyatakan dalam hadis yang lain dimana Rasulullah SAW bersabda:

*“Apabila kamu melalui (bertemu) dengan taman-taman syurga (di atas muka bumi ini), maka hendaklah kamu berhenti untuk menikmati (hasilnya). Lalu Sahabat pun bertanya: Apakah dia taman-taman Syurga tersebut? Rasulullah berkata: majlis-majlis ilmu.”*

(al-Tirmizi)

Bersandarkan hadis-hadis yang dinyatakan, jelaslah bahawa usaha dalam mencari ilmu itu sangat besar ganjarannya baik didunia maupun akhirat. Dalam konteks kajian ini iaitu konsep kekeluargaan, menghadiri majlis ilmu mampu dijadikan panduan ke arah pembentukan sebuah keluarga yang damai dan disukai Allah. Jika tidak berkelapangan sekalipun untuk ke majlis ilmu, kita telah dibekalkan dengan kepintaran dunia dengan menyediakan majlis-majlis ilmu ini dalam bentuk video dan ianya mudah di akses melalui media sosial. Dengan era yang serba canggih kini, kita sebagai muslim yang baik harus bijak mengambil kelebihan ini tatkala sibuk dengan urusan dunia.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, setiap keluarga perlu menanamkan amalan q-rohani dalam diri setiap ahli keluarga. Kajian ini menunjukkan elemen-elemen ini diperlukan bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup berkeluarga. Elemen kerohanian ini jika di amalkan berterusan mampu

mendidik jiwa supaya bersih dari kekotoran dunia sementara ini seterusnya mengelakkan segala perkara yang dimurkai Allah. Penghayatan kepada amalan ini tidak mudah dibentuk kerana ia memerlukan kekuatan, dorongan dan persekitaran yang kuat sesama ahli keluarga. Di smaping itu juga, kita dapat melahirkan keluarga yang bukan sahaja harmoni dan sejahtera malah dalam masa yang sama dapat menghasilkan manusia mukmin dan bertaqwah. Dalam pemantapan keluarga, kerangka ini dapat dijadikan panduan ke arah matlamat utama dalam sesebuah keluarga iaitu menjadikan sesebuah keluarga itu harmoni dan bahagia. Keluarga yang bahagia adalah keluarga yang merasa senang terhadap satu sama lain dan juga satu sama lain. Oleh yang demikian, setiap ahli keluarga harus memainkan peranan dalam pemantapan sesebuah keluarga. Terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjutan pada masa hadapan:

- (a) Pembangunan sebuah model dan modul kekeluargaan dalam melahirkan sebuah keluarga yang mantap dari segala aspek kerohanian;
- (b) Pembangunan kurikulum keluarga dan dijadikan sebagai satu kursus teras di institusi pendidikan tinggi;
- (c) Kajian dijalankan dengan mengkaji aspek berbeza contohnya dari aspek kognitif, psikomotor dan sebagainya;
- (d) Pengkaji seterusnya dicadangkan agar menambah elemen-elemen sedia ada bagi tujuan penambahbaikan.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin berterima kasih kepada para penilai serta editor dalam proses menilai artikel ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Tidak lupa juga kepada Universiti Malaya melalui (UMRG – SBS Equitable Society; No. Projek: RP005C-14HNE) dalam memberikan segala bentuk bantuan sepanjang kajian ini dijalankan.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Adler M, Ziglio E. (1996). *Gazing into the oracle: the Delphi method and its application to social policy and public health*. London: Jessica Kingsley Publishers.

- Al-Ghazali, Abu Hamid, & Muhammad Bin Ahmad. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq Abdul Rahim bin al-Husain al-Iraqi, al-Qahirah : Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Al-Harran, S. (2004). *For today's social ills Islam is the solution*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Amran Hassan (2011) *Konflik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat.
- Asmaningrum, N., Wijaya, D., & Wijaya, C. A. (2014). Dukungan Sosial Keluarga Sebagai Upaya Pencegahan Stres Pada Lansia Dengan Andropause Di Desa Gebang Wilayah Kerja Puskesmas Patrang Kabupaten Jember. *Jurnal IKESMA*, 10(1). 78-86.
- Berliner, D. C. (2004). Describing the Behavior and Documenting the Accomplishments of Expert Teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24(3), 200-212.
- Chang, P.L., Hsu, C.W. & Chang, P.C. (2011). Fuzzy Delphi method for evaluating hydrogen production technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36, 14172 – 14179.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yussoff (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3(2), 45-62
- Christian, L.G. (2006). Understanding families: Applying family systems theory to early childhood practice. *Young Children*, 61(1), 12-20.
- Duffield C. (1993) The Delphi Technique: a comparison of results obtained using two expert panels. *International Journal of Nursing Studies*, 30, 227–237.
- Duvall E. R. M. (1977). *Marriage and Family Development*. Lippicott. University of Michigan.
- Enrique, J., Howk, H., & Huitt, W. (2007). *An overview of family development*. Educational Psychology Interactive. Valdosta, GA: Valdosta State University
- Jacobs, J. M. (1996). *Essential assessment criteria for physical education teacher education programs: A Delphi study*. Unpublished doctoral dissertation, West Virginia University, Morgantown.
- Jones, H., & Twiss, B. C. (1978). *Forecasting technology for planning decision*. London, UK: Macmillan Press Ltd.
- Nasr, S. H. (1987). *Islamic Spirituality*. London : Routledge & Keegan Paul.
- Nurfarhana S.R & Mohd Sharifudin Y., (2014), Analisis Interpretasi Lirik Dabus Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Di Bagan Serai Perak, *Journal of Business and Social Development*, 2(1).

- Nur Zahidah, J., & Raihanah, A. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.
- Oh, K. H. (1974). *Forecasting through hierarchical Delphi*. Unpublished doctoral dissertation, The Ohio State University, Columbus
- Pill, J. (1971). The Delphi method: Substance, context, a critique and an annotated bibliography. *Socio-Economic Planning Science*, 5, 57-71.
- Population Reference Bureau. (2000). *Conveying concerns: Women report on families in transition*. Washington, DC: Author. Retrieved May 2016.
- Powell, C. (2003). The Delphi technique: myths and realities. *Journal of Advanced Nursing*, 41(4). Hlm. 376–382
- Ratna Roshida & Nik Haslinda, (2007), Peranan institusi keluarga dalam penjanaan bangsa bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*, 9.
- Ruslinawati A.G., Rohana A., Jamilah O., (2011), *Penghayatan ‘Aqidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah (POLIMAS): Satu Analisis*, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah.
- Saedah, S. (2012). Model q-Rohani Ke arah Pembangunan Insan. *Paper presented at 1st International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE2012)*, State University Of Jakarta, Jakarta, Indonesia.
- Siti Norlina, Ahmad Kilani, Zulkifli Haron. (2004). *Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis*, Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia
- Wan Anor W.S & Risalshah L. (2014), *Kaunseling Keluarga : Isu dan Cabaran*. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga, Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. ISBN : 978-967-0582-32-0

### Biografi Penulis

Dr. Zaharah Binti Hussin  
zaharah@um.edu.my

Ketua Jabatan di Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kepakaran beliau dalam bidang Pendidikan Islam, Pendidikan Akhlak, Analisis kandungan dalam penyelidikan dan Teknik Delphi. Beliau aktif menjalankan kajian ilmiah dan telah banyak mengeluarkan jurnal dan buku bersifat akademik. Beliau sering dijemput

sebagai penceramah di bidang kepakaran beliau di sector awam dan swasta berkenaan institusi kekeluargaan dan dalam bidang kepakarannya.

Dr. Ahmad Arifin Bin Sapar  
arifin@um.edu.my

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah. Kepakaran beliau adalah bidang Struktur Linguistik. Beliau aktif dalam membuat kajian ilmiah dan banyak mengeluarkan jurnal dan buku bersifat akademik. Selain itu, beliau merupakan editor bagi On-line Journal On Islamic Education (O-jIE) dan Majallah Das di Universiti Malaya.

Profesor Dr. Saedah Binti Siraj  
saedah@um.edu.my

Profesor di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Beliau pernah menjawat jawatan Dekan selama 6 tahun dan kini beliau adalah Pengarah bagi University of Malaya Family Research & Development Centre (UMFRDC). Beliau banyak menerbitkan hasil kajian ilmiah serta buku di samping sering menyampaikan ceramah dalam pelbagai bidang dalam dunia pendidikan. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Pembangunan Kurikulum, Rekabentuk Kurikulum, Penilaian Kurikulum, Pengurusan Kurikulum, Kurikulum dan Instruksional, Perbandingan Kurikulum, Kurikulum Masa Depan, Kurikulum M-Pembelajaran, dan Pendidikan Keluarga dan Anak-Anak.

Mohd Ridhuan Mohd Jamil  
farouqi\_2003@yahoo.com

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Kejuruteraan di Universiti Malaya. Kepakaran beliau adalah dalam Fuzzy Delphi, Nominal Group Technique, Interpretive Structural Modelling, Work Based Learning dan TVET. Selain itu, beliau aktif dalam menyampaikan ceramah berkaitan metod dalam penyelidikan bagi pelajar siswazah.

Abdul Muqsith Ahmad  
muqsith.ahmad@yahoo.com

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan, Kolej Restu. Beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan Kejuruteraan di Universiti Malaya. Beliau berpengalaman sebagai penggubal kursus. Kepakaran beliau adalah dalam pendidikan etika, pendidikan nilai, Nominal Group Technique, dan Pendidikan Kemahiran.

NurulRabihah Mat Noh  
izra81@yahoo.com

Pegawai Kanan di Institut Bahasa. Berkepakaran dalam bidang Pengembangan Kurikulum, Fuzzy Delphi dan M-Learning. Beliau juga telah banyak menghasilkan beberapa penulisan akademik dan novel untuk bacaan umum. Buku penulisan beliau pernah dipilih untuk Pelancaran Buku Peringkat Kebangsaan pada Sambutan Hari Guru Kebangsaan tahun 2012. Selain itu, beliau pernah dijemput memberikan kursus penulisan kreatif kepada pelajar sekolah menengah.